



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

JABATAN PERTANIAN–MYSA PERKUKUH KERJASAMA TINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN SEKTOR PERTANIAN MELALUI TEKNOLOGI ANGKASA

SERDANG, 1 September 2026 – Jabatan Pertanian (DOA) dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperkukuh kerjasama strategik dalam memanfaatkan teknologi geospasial bagi menyokong perancangan, pengurusan dan pemantauan sektor pertanian negara.

Pertukaran dokumen Nota Kerjasama Strategik (NKS) antara Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang telah ditandatangani itu disaksikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Pentas Utama, Dewan A, MAEPS, sempena MAHA 2026. DOA diwakili oleh YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian, manakala MYSA diwakili oleh YBhg. Dato' Gs. Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA.

Menurut Dato' Nor Sam, kerjasama strategik ini merupakan kesinambungan jalinan DOA dan MYSA yang telah bermula sejak 2017, khususnya dalam pembangunan dan pengoperasian Sistem Maklumat Geospasial Tanaman Padi (MakGeoPadi). Sistem aplikasi terbitan teknologi angkasa ini meliputi teknologi penderiaan jauh (remote sensing), Sistem Maklumat Geografi (GIS), Sistem Penentuan kedudukan Sejagat (GPS) dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi pengurusan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman lain.

“Penggunaan teknologi angkasa membolehkan liputan pemantauan 100% di semua jelapang padi, sekali gus mengurangkan masa penyiasatan di lapangan sehingga 50%. Kecekapan ini memberi impak langsung terhadap pengurusan subsidi Kerajaan yang lebih sistematik dan bersasar. Sehingga kini, lebih 190,000 pesawah telah menerima manfaat secara langsung dan tidak langsung daripada penggunaan sistem ini,” jelas beliau lagi.

Sementara itu, Dato' Azlikamil menjelaskan, pembaharuan kerjasama ini amat signifikan dalam usaha memperluas penerimgunaan teknologi angkasa, sekali gus meningkatkan daya saing sektor pertanian negara. Hala tuju ke hadapan, kedua-dua pihak memberi tumpuan kepada pemeriksaan sistem, perkongsian maklumat penyelidikan dan inovasi, analisis data, serta pemindahan teknologi bagi peningkatan kompetensi pegawai, selaras kemajuan teknologi semasa.

“Kerjasama ini diyakini dapat memperkuat penggunaan teknologi angkasa sebagai penyedia penyelesaian dan pemangkin kepada pengurusan pertanian yang lebih cekap, berasaskan data dan responsif terhadap keperluan semasa, sekali gus menyokong usaha DOA memperkasa penyampaian perkhidmatan serta pembangunan sektor agromakanan negara,” kata beliau.

Jabatan Pertanian komited untuk terus memperluas kerjasama strategik bersama agensi teknologi dan penyelidikan bagi mempercepat penerapan teknologi moden dalam sektor pertanian demi manfaat pengusaha serta keterjaminan agromakanan negara. Kerjasama ini seiring dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN2.0) dan dan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030).

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

